



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (01)
Tarikh : 8 Mac 2018

Siaran Media

1. Penubuhan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MCAA) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 6 Januari 2016 ekoran daripada peningkatan bilangan kes kematian akibat kelemasan dan kemalangan di badan-badan air.
2. Berdasarkan data kehadiran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sahaja (tidak melibatkan PDRM, Polis Marin, APM, APMM dan sebagainya) untuk kejadian insiden mati lemas di badan air/rekreasi adalah sebanyak **260 kes bagi tahun 2016** dan **327 kes bagi tahun 2017** .
3. Dalam 2 bulan pertama sahaja pada tahun ini, sebanyak **65 insiden mati lemas** telah direkodkan. Mengikut rekod kejadian oleh JBPM, 42 insiden telah dilaporkan berlaku di kawasan sungai/tali air, 11 insiden di kawasan pantai, 8 insiden di kawasan air terjun dan 4 insiden telah berlaku di kawasan tasik/lombong.
4. Kementerian ini melalui JBPM juga turut telah mengenal pasti sebanyak **12 Kawasan/Lokasi 'hotspots'** yang telah dikategorikan sebagai **KAWASAN BERISIKO TINGGI** berdasarkan kejadian insiden mati lemas yang melebihi dari 5 mangsa. Antara kawasan 'hotspots' yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

SUNGAI

| BIL | NAMA LOKASI/KAWASAN BADAN AIR | JUMLAH MANGSA |
|------------|---|----------------------|
| 1 | Sungai Kg. Batu Payung, Tawau, Sabah | 15 |
| 2 | Sungai SKC Kg. Timah, Selangor | 7 |
| 3 | Sungai Kg. Sabak, Pengkalan Chepa, Kelantan | 6 |
| 4 | Sungai Chiling, Selangor | 6 |
| 5 | Sungai Gasi, Selangor | 5 |

AIR TERJUN

| BIL | NAMA LOKASI/KAWASAN BADAN AIR | JUMLAH MANGSA |
|-----|--|---------------|
| 1 | Air Terjun Sungai Sendat, Selangor | 12 |
| 2 | Air Terjun Lata Berembun, Raub, Pahang | 10 |
| 3 | Air Terjun Chamang, Pahang | 5 |

PANTAI

| BIL | NAMA LOKASI/KAWASAN BADAN AIR | JUMLAH MANGSA |
|-----|-------------------------------|---------------|
| 1 | Pantai Nipah, Kelantan | 14 |
| 2 | Muara Tok Bali, Kelantan | 7 |
| 3 | Teluk Bahang, P.Pinang | 7 |

TASIK/LOMBONG/EMPANGAN

| BIL | NAMA LOKASI/KAWASAN BADAN AIR | JUMLAH MANGSA |
|-----|-------------------------------|---------------|
| 1 | Empangan Semenyih, Selangor | 10 |

5. Dalam hal ini, saya juga telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mengawasi kawasan yang telah dikategorikan sebagai **Kawasan Berisiko Tinggi** bagi tujuan kawalan keselamatan sepanjang cuti persekolahan di mana didapati kes mati lemas kerap berlaku.
6. Selain itu, satu Pelan Tindakan Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) juga telah disediakan dan Pelan ini telah diluluskan pada mesyuarat hari ini bagi memupuk kesedaran keselamatan air secara holistik sebagai usaha kerajaan dalam mengurangkan insiden kejadian mati lemas di negara ini.
7. Antara perkara yang terkandung dalam Pelan Tindakan tersebut adalah penyediaan garis panduan, undang-undang kecil, papan tanda amaran, kemudahan-kemudahan penyelamatan dan aktiviti-aktiviti kesedaran serta pendedahan latihan.
8. Mesyuarat pada hari ini juga telah bersetuju agar tindakan *quick wins* dilaksanakan dengan segera sebagai satu langkah untuk menangani isu ini dalam masa terdekat.

Antara langkah pendekatan *quick wins* yang dipersetujui adalah seperti:

- Mengenal pasti semua kawasan/lokasi red zones dengan segera dan membuat hebahan umum sebagai langkah berwaspada yang perlu diambil ketika berada di lokasi badan air/rekreasi.
- Menguatkuasakan penggunaan Papan Tanda di kawasan berisiko tinggi sebagai Panduan Keselamatan di lokasi Badan Air/Rekreasi. Tindakan segera bagi menggantikan papan tanda keselamatan yang sudah uzur juga perlu diambil tindakan oleh pihak PBT dan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab di kawasan/lokasi tersebut.
- Pihak PBT juga perlu memastikan kawalan keselamatan perlu dilakukan dengan menempatkan 'life guard' di kawasan badan air/rekreasi berisiko tinggi.

9. Peranan ibu bapa juga amat penting dalam mengawasi pergerakan anak-anak mereka ke tempat rekreasi/badan air yang khususnya telah dikategorikan sebagai **KAWASAN BERISIKO TINGGI**.
10. Saya juga berharap agar setiap guru di sekolah berperanan dalam memberikan peringatan kepada murid-murid di sekolah dan menyampaikan informasi secara langsung berhubung kepentingan keselamatan dalam menjalankan aktiviti di air.
11. Di samping itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa melaksanakan program kesedaran keselamatan di air pada setiap tahun. Sehingga kini, sebanyak 25 aktiviti/program telah diadakan di seluruh negara dan seramai 13,731 orang awam yang telah didedahkan dengan program kesedaran ini. Walau bagaimanapun, program/aktiviti kesedaran seperti ini juga akan diperbanyakkan lagi pada tahun ini sebagai tanda komitmen dalam menangani isu mati lemas ini.
12. Apa yang lebih penting adalah amaran-amaran seperti **Amaran Bahaya** dan **Arahan Tips/Panduan Keselamatan Air** di lokasi/kawasan badan air berisiko tinggi perlu diwawarkan kepada semua pihak.
13. Dalam masa yang sama, Kementerian ini akan membawa Pelan Tindakan Jangka Panjang dan Jangka Pendek ke Mesyuarat Kabinet dan Mesyuarat Majlis Negara dan Kerajaan Tempatan (MNKT) bagi tujuan kelulusan untuk digunapakai bagi

panduan bersama dalam usaha mengurangkan insiden kejadian lemas di negara ini. Saya juga akan turut membawa Pelan Tindakan ini ke Mesyuarat YB Menteri bersama Exco-Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri-Negeri (MEXCOPT) yang akan diadakan pada 13 Mac 2018 nanti.

14. Sebagai makluman juga, Kementerian ini juga akan mengadakan Majlis Pelancaran Program Kesedaran Keselamatan Air di Pantai Cahaya Negeri, Batu 5, Port Dickson pada 16 Mac 2016 (Jumaat). Oleh itu, saya menjemput semua pihak untuk hadir ke majlis tersebut sebagai tanda komitmen bersama-sama dalam usaha menangani isu mati lemas di negara ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my